



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67

16hb Mac 2023

No. 11

No. 206.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI PEMBAHAGIAN PULANGAN MANFAAT
BAGI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN USAHA
SAMA TANAH MILIK MAINPP DI ATAS DUA (2) LOT TANAH
IAITU LOT 60, MUKIM 11, BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT
DAYA (DBD) DAN LOT 496, MUKIM 14, BAGAN LALANG,
SEBERANG PERAI UTARA (SPU), PULAU PINANG**

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 telah membincangkan Fatwa Mengenai Fatwa Mengenai Pembahagian Pulangan Manfaat Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan Usaha Sama Tanah Milik MAINPP Di Atas Dua (2) Lot Tanah Iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) Dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:

Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan usaha sama tanah milik MAINPP di atas dua (2) lot tanah iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD), dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang yang dicadangkan untuk dibangunkan secara serentak dengan alasan –

- a) Kedua-dua tanah wakaf itu diwakafkan oleh pewakaf secara berasingan dengan syarat-syarat wakaf yang tersendiri. Sebarang usaha untuk membangunkan sesuatu tanah wakaf, maka setiap suatu tanah wakaf tidak boleh mempengaruhi, menjejaskan bahkan mengurangkan manfaat atau hasil tanah wakaf yang lain.
- b) Pembangunan Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas Daerah Barat Daya (DBD) dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU) secara bersekali akan mengurangkan *nafa'* (faedah) hasil kepada *mauquf alaih* iaitu Masjid Bayan Lepas dan bercanggah dengan hasrat *wakif* bagi tanah Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) bahkan menjejaskan kepentingan umat Islam di bahagian pulau.
- c) Pembangunan Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) wajar diteliti secara terperinci agar amanah *wakif* terpelihara serta menepati *syurutul wakif* yang telah ditetapkan oleh *wakif*.

Bertarikh 21 Februari 2023

[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 3(); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD
NOOR
Mufti
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI PEMBAHAGIAN PULANGAN MANFAAT
BAGI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN USAHA
SAMA TANAH MILIK MAINPP DI ATAS DUA (2) LOT TANAH
IAITU LOT 60, MUKIM 11, BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT
DAYA (DBD) DAN LOT 496, MUKIM 14, BAGAN LALANG,
SEBERANG PERAI UTARA (SPU), PULAU PINANG*

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 telah membincangkan Fatwa Mengenai Pembahagian Pulangan Manfaat Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan Usaha Sama Tanah Milik MAINPP Di Atas Dua (2) Lot Tanah Iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) Dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:

Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan usaha sama tanah milik MAINPP di atas dua (2) lot tanah iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD), dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang yang dicadangkan untuk dibangunkan secara serentak dengan alasan –

- a) *Kedua-dua tanah wakaf itu diwakafkan oleh pewakaf secara berasingan dengan syarat-syarat wakaf yang tersendiri. Sebarang usaha untuk membangunkan sesuatu tanah wakaf, maka setiap suatu tanah wakaf tidak boleh mempengaruhi, menjejaskan bahkan mengurangkan manfaat atau hasil tanah wakaf yang lain.*
- b) *Pembangunan Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas Daerah Barat Daya (DBD) dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU) secara bersekali akan mengurangkan nafa' (faedah) hasil kepada mauquf alaih iaitu Masjid Bayan Lepas dan bercanggah dengan hasrat wakif bagi tanah Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) bahkan menjejaskan kepentingan umat Islam di bahagian pulau.*

- c) *Pembangunan Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) wajar diteliti secara terperinci agar amanah wakif terpelihara serta menepati syurutul wakif yang telah ditetapkan oleh wakif.*

Bertarikh 21 February 2023

[JMNP/ (S)/19/1101/002 KLT. 3(); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

**DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD
NOOR**
Mufti
State Government of Penang

اینکمن فتندبیرن اکام اسلام
(نکری فولو فینغ) 2004

فتوی دباوه سیکشن 48

فد منجانکن کواس یغ دبریکن اولیه سیکشن 48 اینکمن فتندبیرن اکام اسلام (نکری فولو فینغ) 2004 [اینکمن 2]، اتس
فرکنن یغ دفرتوان اگوغ، جاوتنکواس فتوی نکری فولو فینغ، ممبوات فتوی سباکایمان یغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوی مغنای فمبهاکین فولغن منفعت باکی فلقسانان فروجیک فمباغونن اوسها سام تانه میلیق مجلس اکام اسلام نکری
فولو فینغ (MAINPP) داتس دوا (2) لوت تانه یاءیت لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای (DBD) دان
لوت 496 مقیم 14، باکن لالغ، سبراغ فرای اوتارا (SPU)، فولو فینغ

مشوارت خاص جاوتنکواس فتوی نکری فولو فینغ تاهون 2022 تله ممبینچغکن فتوی مغنای فمبهاکین فولغن منفعت
باکی فلقسانان فروجیک فمباغونن اوسها سام تانه میلیق مجلس اکام اسلام نکری فولو فینغ (MAINPP) داتس دوا (2)
لوت تانه یاءیت لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای (DBD) دان لوت 496 مقیم 14، باکن لالغ، سبراغ فرای
اوتارا (SPU)، فولو فینغ. فتوان اداله سقرتی برایکوت:

مشوارت تیدق برستوجو دغن چادغن فمباغونن اوسها سام تانه میلیق مجلس اکام اسلام نکری فولو فینغ (MAINPP)
داتس دوا (2) لوت تانه یاءیت لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای (DBD) دان لوت 496 مقیم 14، باکن لالغ،
سبراغ فرای اوتارا (SPU)، فولو فینغ یغ دچادغن اونتوق دباغونکن سچارا سرننتق دغن السن –

a. کدوا-دوا تانه وقف ایت دوقفکن اولیه فوقف سچارا براسیغن دغن شرط-شرط وقف یغ ترسدیری. سبراغ
اوسها اونتوق ممباغونکن سسواتو تانه وقف، مک ستیاف سواتو تانه وقف تیدق بولیه ممفغاروهی،
منجسکن بهکن مغورغن منفعت اتاو حاصلیل تانه وقف یغ لایین.

b. فمباغونن لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای (DBD) دان لوت 496 مقیم 14، باکن لالغ،
سبراغ فرای اوتارا (SPU) سچارا برسکالی اکن مغورغن نافع (فانده) حاصلیل کفد موقوف علیه یاءیت
مسجد باین لفس دان برچغکه دغن حسرة واقف باکی تانه لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای
(DBD) بهکن منجسکن کفنتیغن اومت اسلام دبهاکین فولو.

c. فمباغونن لوت 60 مقیم 11، باین لفس، داعیره بارت دای (DBD) واجر دتلیتی سچارا ترفرینچی اکر
امانه واقف ترقلیهارا سرتا منقتی شروط الواقف یغ تله دنتقکن اولیه واقف.

برتاریخ 21 فیبرواری 2023

[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 4(); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

داتو سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

کراجاغن نکری فولو فینغ